

D305

R B693 AAB  
MT-MEMALI

KUALA LUMPUR, 16 JAN (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO MELETAKKAN KESALAHAN KEPADA PAS KERANA SECARA TIDAK LANGSUNG BERTANGGUNGJAWAB BERLAKUNYA PERISTIWA MEMALI MELALUI KEMPENNYA YANG MENGKAFIRKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DAN KAKITANGAN KERAJAAN; DEMIKIAN KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PAGI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, MT MELETAKKAN KESALAHAN SECARA LANGSUNG ATAS IBRAHIM LIBYA KERANA MENCETUSKAN PERISTIWA ITU MELALUI AJARANNYA BAHAWA MEREKA BOLEH MEMBUNUH ORANG LAIN; MEREKA KEBAL DAN JIKA MEREKA MATI, MATI MEREKA ADALAH SYAHID.

MAJLIS TERTINGGI UMNO MAHU KERAJAAN BERSIKAP TEGAS DALAM MENGHADAPI KEGIATAN SERTA AJARAN SEUMPAMA ITU DAN MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN YANG DIFIKIRKAN PERLU; KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO SELEPAS MEMPENGERUSISKAN MESYUARAT MT DI IBU PEJABAT PARTI DI SINI.

KATANYA, DALAM MESYUARAT KIRA-KIRA EMPAT JAM YANG BERAKHIR AWAL PAGI INI, MT TELAH MEMBINCANGKAN PERISTIWA BERDARAH ITU DAN KESAN-KESANNYA SERTA LAPORAN-LAPORAN DARI NEGERI-NEGERI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO TELAH MEMBERI PENERANGAN MENGENAI KEJADIAN ITU DAN MENAYAKAN PITA VIDEO RAKAMAN PERISITWA MEMALI YANG PERNAH DITUNJUKKAN KEPADA WAKIL-WAKIL RAKYAT SEBELUM INI. -- LAGI.  
0304MST 16 01 86

R B695 AAB  
MT-MEMALI 2 KUALA LUMPUR

MAJLIS TERTINGGI UMNO, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, KHUATIR BAHAWA AJARAN SEPerti YANG DIBAWA OLEH IBRAHIM LIBYA DAN PARA PEMIMPIN PAS BOLEH MENGANCAM KETENTERAMAN AWAM.

BELIAU BERKATA, UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG BERTANGGUNGJAWAB, AKAN MEMBERI PENERANGAN KEPADA RAKYAT TENTANG KEGIATAN PAS MENGKAFIRKAN ORANG LAIN.

KATANYA, MT TELAH MEMBINCANGKAN CARA-CARA MENGATASI KEADAAN YANG DITIMBULKAN OLEH PAS ITU.

+MAJLIS TERTINGGI SEBULAT SUARA BERPENDAPAT BAHAWA PERISTIWA MEMALI ADALAH SUSULAN DARIPADA KEMPEN PAS MENGKAFIRKAN ORANG YANG BUKAN ANGGOTA PAS, UMNO DAN PEGAWAI KERAJAAN,+ KATANYA.

KEMPEN SEPerti ITU TELAH MEMBANGKITKAN PERASAAN BAHAWA DARAH ORANG UMNO DAN PARA PEGAWAI KERAJAAN ADALAH +HALAL+ BAGI MEREKA, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.  
0316MST 16 01 86